



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

[Utama](#) [Arkib](#) [2018](#) [Petikan Akhbar](#) [Berita Harian - Hasil Kerajaan Kurang 21 Bilion Selepas SST](#)

Berita Harian - Hasil Kerajaan Kurang 21 Bilion Selepas SST

Selasa, Okt 16 2018



Hasil kerajaan kurang RM21 bilion selepas SST

BH 16/10/18

Kuala Lumpur: Hasil kerajaan berkurang RM21 bilion tahun ini apabila melaksanakan semula Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) pada 1 September lalu bagi menggantikan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata anggaran kutipan SST tahun ini untuk tempoh September hingga Disember 2018 adalah RM4 bilion.

“Oleh itu, kehilangan hasil cukai berasaskan kepenggunaan bersih berjumlah RM17 bilion bagi 2018,” katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (BN-UM-NO Bera) mengenai jumlah pengurangan hasil pendapatan kerajaan apabila GST dihapuskan serta strategi kerajaan untuk menampung semula kekurangan hasil pendapatan itu.

Guan Eng berkata, sebahagian daripada pengurangan kutipan GST itu akan diimbangi tambahan hasil berkaitan petroleum yang dijangka berjumlah RM5.4 bilion berikutan peningkatan harga minyak mentah purata kepada AS\$70 setong (Brent) berbanding andaian AS\$52 setong yang diguna pakai dalam Bajet 2018.

Selain itu, katanya, ada tambahan dividen yang dianggar sebanyak RM5 bilion daripada syarikat berkaitan kerajaan (GLC), termasuk Petronas dan Khazanah Nasional Bhd.

“Tambahan dividen ini selaras dengan peningkatan harga minyak mentah dunia pada 2018 berbanding andaian yang digunakan dalam Bajet 2018,” katanya.

Meskipun harga minyak mentah dunia berada sekitar AS\$70 setong, Guan Eng berkata, peratusan hasil berkaitan petroleum kepada keluaran dalam negara kasar hanyalah sekitar 3.3 peratus berbanding 9.2 peratus pada 2009, di mana pada tahun itu harga minyak mentah dunia adalah AS\$62 setong.

“Ini menunjukkan kerajaan sudah mengurangkan kebergantungan kepada hasil berkaitan petroleum,” katanya.

Teroka sumber hasil baharu

Beliau berkata, antara langkah lain bagi meningkatkan hasil kerajaan Persekutuan adalah menerusi aktiviti audit dan siasatan berterusan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia bagi meningkatkan pematuan cukai dan mengurangkan jurang cukai.

Katanya, kerajaan juga akan meneroka sumber hasil baharu, terutama daripada aktiviti transaksi atas talian dan menyemak semula insentif cukai bagi memastikan impak yang minimum kepada pengurangan hasil namun menjana aktiviti ekonomi.

“Kerajaan juga melaksanakan langkah rasionalisasi perbelanjaan dengan menyusun semula keutamaan perbelanjaan serta meng-

kaji, menangguh dan merunding semula projek berkos tinggi.

Rasionalisasi fungsi jabatan

“Kerajaan turut merasionalisasi fungsi jabatan, program dan projek bagi mengelak pertindihan serta meningkatkan tadbir urus perolehan supaya lebih cekap dan telus,” katanya.

Menjawab soalan tambahan Khoo Poay Tiong (PH DAP-Kota

Melaka) berhubung aspek penjaminan kerajaan menerusi semakan semula beberapa projek, Guan Eng berkata, bukan semua pembangunan kemudahan untuk manfaat rakyat dibatalkan.

Beliau menjelaskan, langkah pembatalan atau semakan semula hanya tertakluk kepada projek mega yang kosnya tidak mampu ditanggung kerajaan susulan pemin- dahan bebanan hutang melampau

[FOTO AIZUDDIN SAAD/BH]



Guan Eng bersama Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu pada sidang Dewan Rakyat di bangunan Parlimen, Kuala Lumpur, semalam.

oleh pentadbiran terdahulu.

“Projek biasa akan diteruskan tetapi mengikut kaedah baharu, iaitu sistem tender terbuka, tetapi kita akan minta pertimbangan pengurangan kos daripada kontraktor.

“Hal ini kerana kita tahu projek sebelum ini dijalankan secara rundingan terus, membabitkan (kepentingan) kroni pihak tertentu,” katanya.


Undian

 BISNES

 AGENSI

 WARGA

Perkhidmatan Atas Talian



Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro



e-Penyertaan & Maklumbalas



Statistik & Prestasi



Pautan



Agensi



Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📞 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **14 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**